

**PENELITIAN SEJARAH TERHADAP KES PEMBUNUHAN WANITA INDIA DI
TANAH MELAYU, 1900-1945**

***A HISTORICAL STUDY OF THE MURDER CASES OF INDIAN WOMEN IN
MALAYA, 1900-1945***

Karthiyayini Katigason*
Azharuddin Mohamed Dali**
Universiti Malaya, MALAYSIA

Abstrak

Artikel ini bertujuan untuk mengkaji tentang masalah sosial wanita India di Tanah Melayu yang memfokuskan kepada kes-kes pembunuhan wanita India di Tanah Melayu dari tahun 1900 hingga 1945. Artikel ini meneliti motif wanita India dibunuh di Tanah Melayu. Secara spesifiknya kajian ini merupakan kajian sejarah yang memberi tumpuan kepada kesusahan hidup yang dihadapi oleh golongan wanita India di Tanah Melayu sehingga mereka menjadi mangsa pembunuhan dalam era sebelum merdeka. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang menganalisis data daripada sumber pertama dan kedua. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa wanita India telah menjadi mangsa pembunuhan di mana mereka dibunuh dengan kejam. Kes-kes pembunuhan kerap kali disebabkan masalah rumah tangga seperti cemburu, dendam, marah, syak wasangka, isteri curang ataupun menjalinkan hubungan dengan lelaki lain dan gangguan mental.

Kata kunci: Masalah Sosial, Motif, Wanita India, Tanah Melayu, Pembunuhan

Abstract

This paper aims to examine the social problems of Indian women in Malaya focusing on the murder cases of Indian women in Malaya from 1900 to 1945. This paper examines the motives of Indian women killed in Malaya. Specifically, this study is a historical study that focuses on the hardships faced by Indian women in Malaya until they became victims of murder in the pre-independence era. This study uses a qualitative method that analyzes data from the first and second sources. The findings of the study show that Indian women had been victims of murder in which they were brutally murdered. Murder cases are often due to domestic problems such as jealousy, resentment, anger, suspicion, cheating wives or having relationships with other men and mental disorders.

Keywords: Social Problem, Motive, Indian Women, Malaya, Murder

Pengenalan

Dalam kajian sejarah, aspek mengenai wanita dilihat lebih memberikan perhatian terhadap hal-hal di luar lingkungan kekeluargaan terutamanya mengenai aktiviti politik, perjuangan terhadap persamaan ekonomi, penglibatan wanita dalam pekerjaan dan seumpamanya. Hal-hal mengenai perkaitan wanita dan keluarga tidak termasuk dalam jangkauan perbincangan ini.¹ Perkembangan yang berlaku sejak tahun 1980-an hingga kini telah memperlihatkan aspek wanita dan keluarga mula mendapat perhatian kalangan sarjana termasuk kalangan sejarawan. Pelbagai aspek mengenainya mula diberikan penumpuan.² Dalam keadaan ini, isu-isu kekeluargaan seperti perkahwinan, perceraian, permasalahan dalam keluarga, peranan wanita

dalam keluarga mula diberikan tumpuan dan ini membolehkan sejarah mengenai wanita dan keluarga turut berkembang.

Makalah yang terangkum sebagai sebuah kajian sejarah sosial ini membincangkan mengenai kes-kes pembunuhan yang melibatkan wanita India di Tanah Melayu dari tahun 1900 hingga 1945. Fokus utama kajian ini ialah kesusahan hidup yang dihadapi oleh wanita India di Tanah Melayu yang menyebabkan mereka dibunuh dengan kejam. Mereka dibunuh disebabkan oleh pelbagai motif. Masalah rumahtangga yang dihadapi seperti pertikaian antara suami dan isteri merupakan antara faktor utama golongan wanita dibunuh. Walaupun pembunuhan merupakan satu kejadian jenayah yang boleh ditemui dalam pelbagai peristiwa sejarah seperti dalam peperangan, pergaduhan, konflik keluarga dan sebagainya, namun dalam sejarah kehidupan harian masyarakat India di Tanah Melayu, mereka dibunuh dengan menggunakan senjata tajam yang biasa didapati di ladang seperti parang, pisau, kapak dan cangkul yang merupakan senjata yang biasa digunakan dalam kes-kes yang berkaitan.

Menyedari hal ini, British di Tanah Melayu telah memandang serius akan masalah kronik ini dan telah mengambil langkah untuk menjaga kebajikan dan keselamatan kalangan wanita India di Tanah Melayu. Tindakan ini diambil kerana kes-kes pembunuhan wanita India telah menjejaskan kedudukan wanita India. Semua tertuduh kes pembunuhan dibicarakan di mahkamah dan jika didapati bersalah mereka dikenakan hukuman mati. Dalam kebanyakan kajian, kehidupan sosial wanita India hanya disentuh sebagai satu sub topik untuk membincangkan sesuatu topik yang besar dan kebanyakan kajian yang dijalankan bukan daripada sudut disiplin sejarah. Sehingga kini hampir tidak banyak kajian mengenai wanita India dan aspek kekeluargaan yang dilakukan oleh kalangan pengkaji hingga wujudnya satu jurang besar mengenainya. Ia merupakan satu aspek yang masih vakum dalam pensejarahan masyarakat India di Malaysia. Makalah ini membincangkan mengenai kehidupan wanita India di Tanah Melayu, motif wanita India dibunuh di Tanah Melayu.

Perbincangan ini diharap dapat mengisi kekosongan yang ada di samping menjelaskan isu sosial yang terpaksa dihadapi oleh kalangan wanita India di Tanah Melayu. Makalah ini membincangkan mengenai kehidupan wanita India di Tanah Melayu, pembunuhan wanita India yang disebabkan oleh pelbagai motif dan tindakan yang diambil oleh kerajaan British untuk mendapatkan keadilan kepada wanita India yang dibunuh dan pada masa yang sama menjamin keselamatan mereka di Tanah Melayu. Perbincangan di dalam makalah ini dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama, perbincangan mengenai kehidupan sosial wanita India secara ringkas. Kedua, motif wanita India dibunuh dengan kejam.

Kehidupan Wanita India di Ladang

Walaupun ramai orang India yang datang ke Tanah Melayu pada awal abad ke-20 terdiri daripada lelaki India, namun wanita India juga telah datang bersama-sama mereka. Pada mulanya, buruh lelaki yang datang ke Tanah Melayu merupakan buruh lelaki sementara. Hal ini kerana mereka tidak berhasrat untuk tinggal menetap, sebaliknya mereka akan balik ke India selepas bekerja untuk tempoh masa dan keadaan ekonomi mereka bertambah baik.³ Pentadbiran British di Tanah Melayu memerlukan bilangan buruh yang ramai dan berterusan kerana buruh sementara ini bukan sahaja meningkatkan kos malah membawa kepada masalah kekurangan tenaga pekerja. Bagi mengatasi masalah ini, pengusaha ladang telah menggalakkan kedatangan buruh wanita untuk menambahkan bilangan buruh India dan menggalakkan buruh lelaki tinggal di Tanah Melayu bersama keluarga.⁴ Kebanyakan wanita yang datang ke Tanah

Melayu terdiri daripada wanita India dari India Selatan. Mereka terdiri daripada orang Tamil, Telugu, Malayalees dan Punjabi. Mereka datang bersama-sama dengan ahli keluarga ataupun datang secara bersendirian. Pada tahun 1921, terdapat seramai 471,666 orang India di Tanah Melayu dan seramai 136,181 daripada jumlah tersebut terdiri daripada wanita India. Seramai 73,119 wanita India daripada 136,181 orang telah berkahwin.⁵

Secara tradisi, wanita India terlibat secara langsung dalam urusan kekeluargaan. K. M. Saran mengatakan, “Women primarily dominated the home front; they did cooking for the family and often helped their husbands in their activities...”⁶ Tradisi di India ini turut dibawa ke Tanah Melayu dan mereka terus memainkan peranan yang penting dalam sesebuah keluarga. Wanita dilihat sebagai tunjang keharmonian dan kesejahteraan sesebuah keluarga. Mereka menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai seorang ibu, isteri dan anak. Sebilangan besar wanita India berkahwin pada usia yang sangat muda dan sejak perkahwinan itu, sebahagian tanggung jawab keluarga dipikul dibahunya. Jika keadaan ekonomi keluarga tidak begitu baik dengan bergantung kepada pekerjaan suami, maka wanita tersebut akan turut sama membantu dan turut bertindak mendapatkan pekerjaan dan menyara keluarga di samping meneruskan tanggung jawabnya sebagai isteri dan ibu. Dalam menjalani kehidupan di kawasan ladang, mereka terpaksa bangun awal pagi untuk menyediakan sarapan pagi dan makanan tengah hari. Selepas itu, mereka akan memulakan tugas sebagai penoreh getah seawal pukul lima pagi. Selepas pekerjaan tersebut selesai, mereka balik ke rumah dan berehat sebentar selepas makan. Kemudian mereka akan membersihkan rumah, mencuci pakaian, menjahit baju, menampal pakaian yang koyak dan menjaga anak. Mereka mendapat bantuan daripada anak perempuan yang lebih tua untuk menjaga anak kecil semasa mereka pergi bekerja.⁷

Wanita India tidak dapat keluar dari kawasan ladang untuk mencari pekerjaan kerana terikat dengan keluarga dan mereka tidak berpendidikan. Mereka tidak mempunyai kehidupannya yang tersendiri sebaliknya mereka menghabiskan usia mereka untuk berkhidmat kepada suami dan menjaga anak.⁸ Meskipun begitu, kehidupan di kawasan ladang yang sangat mencabar telah menimbulkan masalah tersendiri. Cabaran dan permasalahan yang timbul wujud dalam pelbagai bentuk. Adakalanya masalah tersebut timbul kesan daripada perbuatan pihak suami. Tekanan kerja yang berterusan menyebabkan kalangan buruh India terjebak dalam pelbagai aktiviti termasuk menjadi pemabuk, penjudi dan sebagainya.⁹

Lelaki India melayan isteri dan anaknya dengan buruk sehingga meninggalkan kesan yang mendalam dalam diri mereka. Kes jenayah yang tinggi berlaku dalam kalangan orang India seperti pembunuhan disebabkan seks (*sex jealousy*). Pada tahun 1928, 1929 dan 10 bulan pertama tahun 1930, seramai 100 orang telah melakukan pembunuhan di NNMB dan motif pembunuhan bagi 41 kes ialah *sex jealousy*. Manakala di negeri Kedah, tujuh daripada 10 kes yang berlaku pada tahun 1928 dan 1929 dan dua daripada enam kes yang berlaku dari bulan Januari hingga Oktober 1930 ialah disebabkan *sex jealousy*. Di Johor pula, enam daripada 15 kes yang berlaku pada tahun 1928 dan 1929 dan dua daripada enam kes yang berlaku dari bulan Januari hingga Oktober 1930 adalah disebabkan oleh *sex jealousy*.¹⁰

Dalam pada itu, bilangan lelaki India yang lebih ramai daripada wanita India merupakan faktor utama keruntuhan rumahtangga. Seorang suami dalam kalangan masyarakat India, apabila mengetahui bahawa isterinya berlaku curang atau menjalin hubungan sulit dengan lelaki lain seringkali mengambil tindakan drastik termasuk membunuh wanita tersebut. Bagi seorang suami, tindakan ini bukan sahaja menjejaskan imejnya, malah lebih berat lagi menjatuhkan maruahnyanya sebagai seorang suami dan lelaki. Bagi masyarakat ladang yang agak bersifat tertutup, mereka akan memandang rendah lelaki yang tidak bertindak bagi

menghentikan perbuatan tersebut. Jika sebaliknya, termasuk membunuh isterinya akan dianggap sebagai wira dan dipandang tinggi dalam masyarakat. Dalam masa yang sama, persengketaan rumahtangga dan godaan wanita yang sudah berkahwin merupakan antara masalah yang utama yang membawa kepada berlakunya kes pembunuhan. Apabila suami mendapat tahu isterinya menjalinkan hubungan dengan lelaki lain, mereka mengambil tindakan drastik iaitu membunuh isteri kerana menjatuhkan imej dan maruahnyanya. Tindakannya membunuh isteri yang curang menyebabkan dia dipandang tinggi dalam masyarakat dan menaikkan imejnya di mata masyarakat.¹¹

Secara umumnya, lelaki India masih lagi terikat dengan sistem patriarki yang diamalkan di India yang beranggapan lelaki lebih berkuasa daripada wanita. Walaupun mereka tidak lagi tinggal di India, namun amalan dan kepercayaan sistem patriarki masih menjadi amalan lelaki India di Tanah Melayu. Sikap mereka ini menyebabkan wanita dilayan dengan buruk, dipukul, didera dan sampai ke tahap yang lebih ekstrem iaitu membunuh. Wanita menjadi mangsa pembunuhan yang kejam di Tanah Melayu disebabkan oleh pelbagai motif seperti cemburu, syak wasangka, dendam, masalah mental, isteri menjalinkan hubungan dengan lelaki lain dan isu tidak berpuas hati dengan isteri. Wanita India dibunuh dengan menggunakan senjata tajam. Terdapat juga kes di mana wanita India juga dipukul sehingga mati.

Layanan buruk suami kepada isteri memberi tekanan besar kepada mereka. Tiada pendidikan, tiada keluarga, tiada pendedahan kepada alam di luar kawasan ladang, tekanan ekonomi, tekanan daripada suami dan persekitaran merupakan antara perkara-perkara yang perlu dihadapi oleh seorang wanita yang hidup di kawasan ladang di Tanah Melayu. Jenayah pembunuhan sangat ekstrem dan benar-benar memberi kesan kepada keberadaan wanita India hingga merasakan kedudukan mereka tidak lagi selamat di Tanah Melayu.

Motif Wanita India Dibunuh

Gangguan Mental

Kes gangguan mental merupakan antara motif yang kerap ditemui sewaktu penelitian dilakukan terhadap kes-kes pembunuhan yang berlaku di kawasan ladang. Gangguan mental merujuk kepada keadaan seseorang yang tidak dapat berfikir dengan waras, tidak sedar akan tindakan yang dilakukannya kerana pelbagai faktor termasuk mabuk dan sebagainya. Dalam keadaan dimana seseorang itu mengalami gangguan mental, maka beliau akan ditempatkan di hospital sakit jiwa bagi menerima rawatan. Dalam kes jenayah bunuh, seseorang yang didapati melakukan tindakan tersebut, setelah ditangkap dan disoal siasat akan dibawa ke mahkamah. Jika pihak mahkamah mendapati bahawa orang yang dituduh mengalami gangguan mental, maka mahkamah akan memutuskan agar beliau ditempatkan di hospital jiwa. Ini bermakna hanya mahkamah sahaja yang mempunyai kuasa untuk menghakimi sama ada seseorang itu mengalami gangguan jiwa atau tidak.

Salah satu kes mengenai gangguan mental melibatkan seorang wanita yang dibunuh oleh suaminya berlaku di ladang Sungai Nibong. Dalam tragedi yang berlaku pada 29 Januari 1912 ini, Velilingham, ketika berada dalam keadaan tidak sedar telah membunuh isterinya. Dia telah berjaya ditangkap dan mengaku bersalah dan kemudiannya dihadapkan ke mahkamah. Namun begitu disebabkan dia mempunyai masalah mental, dan mahkamah memperakukan hal itu setelah memperoleh keterangan pihak doktor yang memeriksanya, beliau telah dihantar ke hospital sakit jiwa.¹² Kes yang hampir sama turut berlaku melibatkan seorang buruh bernama

Kandan dari Kuala Selangor. Beliau telah membunuh isterinya dan disahkan mengalami gangguan mental. Pegawai Perubatan Klang telah mengesahkan Kanden tidak waras dan dia telah dihantar ke Rumah Sakit Jiwa di Tanjung Rambutan.¹³ Pada 4 Jun 1923, Govindan seorang tukang masak kepada Arumugam telah menikam isteri Arumugam bernama Thevanai dan anaknya, Nadarajah yang berumur 18 tahun. Hasil pemeriksaan, Dr Muthu Krishna, pegawai perubatan Hospital Tanjung Rambutan mendapati bahawa Govindan mengalami masalah gangguan mental.¹⁴

Gangguan mental termasuk halusinasi merupakan antara faktor yang menyebabkan pembunuhan seorang wanita yang juga isteri kepada orang kena tuduh (OKT). Tragedi ini melibatkan seorang lelaki, Muthu Karpen. Beliau terjaga daripada tidur pada tengah malam 10 Januari 1907 dan tanpa sebab yang jelas telah menyerang isterinya dan dua orang buruh India yang tinggal di rumah yang sama dengan parang. Isterinya terkorban dan dua orang buruh India tersebut mengalami kecederaan. Hasil siasatan didapati bahawa Muthu Karpen mengalami gangguan mental iaitu dia mengalami melankolik dan mempunyai gangguan halusinasi. Muthu Karpen mengatakan bahawa rakannya cuba mengganggu isterinya hingga terdengar suara agar membunuh mereka. Dr. Travers yang memeriksa Muthu Karpen menyimpulkan bahawa beliau mempunyai gangguan mental dan tidak boleh dibicarakan di mahkamah kerana dia tidak waras dan tidak boleh berfikir dengan betul. Mahkamah memutuskan Muthu Karpen perlu dihantar ke hospital sakit jiwa.¹⁵

Pada 27 February 1912, Govindan telah membunuh Suppamal iaitu wanita yang tinggal bersekedudukan dengannya. Govindan telah mencekik Suppamal sehingga mati. Hasil siasatan menunjukkan bahawa Govindan berada di bawah pengaruh alkohol semasa dia membunuh Suppamal. Menurut pihak polis, Govindan ada menunjukkan sikap menyesal akan tindakannya kerana dia didapati duduk bersebelahan dengan Suppamal dan menangis sambil memegang tangannya. Govindan juga telah mengikut Suppamal ke hospital dan berada di samping Suppamal semasa dia meninggal dunia. Selepas perbicaraan di mahkamah, Govindan telah dikenakan hukuman mati atas kesalahannya. Govindan telah membuat rayuan agar hukumannya diringkaskan kerana dia tidak berniat untuk membunuh atau mencederakan Suppamal. Selain itu, bukti menunjukkan bahawa dia juga tidak sedar melakukan perbuatan yang membahayakan diri Suppamal. Walau bagaimanapun, hakim tidak menerima bahawa Govindan menghadapi gangguan mental. Menurut hakim, seseorang yang menyebabkan kecederaan kepada orang lain yang membawa kepada kematian akan didakwa dengan kesalahan membunuh. Oleh itu, Govindan telah dikenakan hukuman mati atas kesalahan membunuh Suppamal.¹⁶

Pada 19 March 1924, seorang lelaki India yang bernama Velayutham telah ditangkap atas kesalahan membunuh perempuan simpanannya yang bernama Marimuthu dengan menggunakan parang. Selepas membunuh Marimuthu, dia telah mengamuk dan mencederakan tiga orang lelaki India yang tinggal berdekatan dengan rumahnya. Hasil siasatan menunjukkan bahawa Velayutham tidak sedar akan kesalahan yang telah dilakukan. Dia menjelaskan bahawa dia tidak menghadapi apa-apa masalah dengan Marimuthu kerana Marimuthu menjaganya dengan baik. Velayutham sebenarnya pernah mengalami masalah gangguan mental 10 tahun yang lalu. Menurut Arunasalam Chelliah yang merupakan seorang pegawai kesihatan, dia mengenali tertuduh sejak 10 tahun yang lalu dan bekerja sebagai mandor. Pada 1916, tertuduh telah diberikan enam bulan cuti dan dihantar balik ke India kerana mengalami gangguan mental dan tidak dapat menumpukan perhatian dalam pekerjaan. Tertuduh kembali ke Tanah Melayu pada tahun 1917 dan hasil pemeriksaan Chelliah mendapati tertuduh sihat dari tahun 1917 hingga Ogos 1922. Chelliah tidak lagi mengawasi ataupun melakukan pemeriksaan terhadap

tertuduh kerana beranggapan tertuduh telah sembuh. Velayutham telah ditempatkan di Hospital Sakit Mental di Kuala Lumpur selama lima bulan. Dia dibicarakan di mahkamah setelah pegawai perubatan mendapati dia sihat dan boleh dihadapkan di mahkamah. Hasil perbicaraan mendapati Velayutham melakukan jenayah membunuh kerana dia mengalami gangguan mental dan tidak waras. Oleh itu, dia dibebaskan dan dihantar balik ke India.¹⁷

Seseorang yang telah melakukan kesalahan akan dibicarakan di mahkamah dan jika dia didapati tidak waras dan tidak berupaya mempertahankan diri daripada kesalahan yang dilakukan maka dia akan mendapatkan rawatan daripada Pegawai Perubatan untuk pengesanan mengenai tahap kesihatan mental. Dia akan ditempatkan di penjara pesakit mental (*Mental Asylum Prison*) untuk rawatan selanjutnya. Inspektor Penjara akan melawat tertuduh sekurang-kurangnya sekali dalam 6 bulan untuk mengetahui keadaan mental tertuduh dan sekiranya tertuduh didapati telah sembuh maka Inspektor Penjara akan menghantar laporan yang lengkap kepada Gabenor. Tertuduh akan dihadapkan di mahkamah dan dibicarakan atas kesalahan yang telah dilakukan. Manakala tertuduh yang tidak sembuh pula akan ditempatkan di Hospital Pesakit Mental.¹⁸ Jika diteliti kes-kes pembunuhan kerana gangguan mental, jelas sekali yang sering menjadi mangsa adalah kalangan wanita sama ada isterinya atau wanita lain yang berada dalam lingkungan sekitar yang berdekatan, jiran mahupun isteri kawan mereka.

Perasaan Cemburu

Jika gangguan mental menyebabkan seseorang bertindak tanpa menyedari tindakannya hingga melakukan pembunuhan, terdapat juga kes-kes yang melibatkan sikap cemburu pasangan. Sikap ini turut menyebabkan pembunuhan berlaku dan dalam banyak keadaan kalangan wanita sama ada isteri atau kekasih yang menjadi mangsa. Malah dalam kes tertentu didapati rasa cemburu terhadap wanita lain turut menjadi motif pembunuhan. Walau bagaimanapun, dalam kebanyakan keadaan, kes-kes yang melibatkan cemburu berlaku apabila pasangan lelaki mengetahui pasangan wanita atau isterinya mempunyai hubungan sulit dengan lelaki lain. Pada tahun 1934, terdapat sebanyak 39 kes pembunuhan melibatkan wanita India dan 14 daripadanya ialah kerana cemburu. Keadaan ini juga timbul daripada isu perkahwinan yang tidak didaftarkan hingga menyebabkan timbul pelbagai masalah. Bagi seorang lelaki yang mendapati bahawa isterinya telah dilarikan oleh lelaki lain atau dengan kesedaran mengikut lelaki lain, namun tindakan tidak dapat diambil kerana perkahwinan mereka tidak didaftarkan. Situasi rumit ini menyebabkan tiada penyelesaian dicapai, malahan wanita tersebut akan kekal dalam simpanan lelaki tersebut.¹⁹

Dalam situasi sebegini, kerap kali ia berakhir dengan kematian. Pasangan lelaki membuat keputusan untuk membunuh isterinya kerana merasakan bahawa ia merupakan jalan terbaik. Selain itu, pembunuhan turut berlaku apabila suami mengetahui isterinya menjalin hubungan sulit dengan lelaki lain dan latar inilah yang menyebabkan berlakunya peristiwa pembunuhan melibatkan pasangan Velu dan isterinya, Muthu Raku. Pada 17 November 1910, Velu telah menikam dan membunuh isterinya yang bernama Muthu Raku di Queen Street, Pulau Pinang pada pukul 4 pagi. Kemudian dia telah pergi ke Pitt Street Pulau Pinang dan menikam seorang lelaki yang bernama Velusami. Hal ini kerana pada pukul 1 pagi pada hari yang sama, Velu telah ternampak isterinya menjalinkan hubungan seks dengan Velusami. Velu telah ditangkap dan didakwa atas kesalahan membunuh dan cubaan membunuh.²⁰ Selain kes ini, perbincangan berikutnya menunjukkan beberapa kes yang melibatkan sikap cemburu pasangan lelaki terhadap pasangan wanitanya yang didapati atau disyaki menjalin hubungan dengan lelaki lain. Dalam kes-kes ini, bukan sekadar pasangan wanita yang terkorban, malah

pihak suami akan turut bertindak terhadap lelaki yang disyaki menjalin hubungan dengan isterinya.

Pada 22 Februari 1912, Kandasamy telah membunuh seorang lelaki India yang bernama Sadian dan wanita India yang bernama Letchmur di Batu 2 Kuang. Letchmur ialah perempuan simpanan Kandasamy dan motif pembunuhan ialah Kandasamy mengesyaki Letchmur dengan Sadian mempunyai hubungan sulit. Kandasamy telah dikenakan hukuman mati oleh pesuruhjaya kehakiman.²¹ Kes lain melibatkan Nagamuttu yang telah menikam isterinya bernama Nagoo di Ladang Sione pada 14 March 1914 kerana dia mengesyaki isterinya mempunyai hubungan sulit dengan lelaki lain. Nagamuttu didapati bersalah dan dikenakan hukuman bunuh. Pada 24 September 1914, seorang lelaki bernama Saminadan telah menikam isterinya, Sivapakean berkali-kali di bahagian dada dengan sebilah pisau di Ladang Tonkington, Sabak Bernam pada 26 November 1914. Motif pembunuhannya ialah Saminadan mendapati isterinya membuat hubungan sulit dengan lelaki lain. Dia telah ditangkap dan dibicarakan di mahkamah dan didapati bersalah.²² Kes seterusnya adalah mengenai Arumugam yang tinggal di Pekan Bandar Bharu, Kedah dan bekerja sebagai pemotong rumput. Dia telah membunuh isterinya yang bernama Nyanama dan dua orang lelaki yang bernama Arigam dan Karpen kerana isterinya menjalinkan hubungan sulit dengan kedua-dua lelaki tersebut. Dia telah membunuh mereka dengan menggunakan kapak. Selepas melakukan pembunuhan dia menyerah diri di balai polis dan mengaku membunuh tiga orang mangsa.²³

Pada 20 dan 22 November 1926, Veerapan telah dikenakan hukuman mati kerana dia didapati bersalah membunuh Ganggan dan Perumalu di estet Chetty, Parit Nibong, Kedah. Menurut tertuduh, dua tahun yang lalu dia tinggal di Kuala Kurau manakala Ganggan, Muniammal iaitu isteri Ganggan dan Perumalu tinggal di Simpang Lima. Tertuduh telah menjalinkan hubungan dengan Muniammal. Apabila Ganggan mengetahui mengenai hubungan sulit mereka, dia telah memberi amaran kepada tertuduh. Hal ini menyebabkan tertuduh meninggalkan daerah tersebut kerana takut. Tertuduh berjumpa semula dengan Ganggan selepas dua tahun di sebuah kedai todi, estet Chetty. Tertuduh mendakwa Ganggan bersama-sama dengan lima orang rakannya iaitu Perumalu, Murugan, Addan, Narainasamy dan Sinnasamy telah menyerang tertuduh dua kali kerana dendam lama. Dalam serangan kedua, tertuduh bertindak menikam mereka untuk mempertahankan diri.²⁴

Seorang lelaki, Sathinaden dari estet Bukit Choh telah dikenakan hukuman mati kerana dia telah membunuh isterinya yang bernama Minachi. Dia telah memukul kepala isterinya dengan paip besi kerana isterinya mempunyai hubungan sulit dengan abangnya sendiri. Mahkamah telah mengenakan hukuman mati terhadap Sathinadan pada 26 November 1914. Sathinaden membuat rayuan di mahkamah agar kesnya dibicarakan sekali lagi kerana dia tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah. Dia mengatakan bahawa hukuman yang dikenakan terhadapnya adalah terlalu berat kerana dia hanya memukul Minachi dengan menggunakan kayu tetapi hasil siasatan menunjukkan bahawa dia telah menggunakan paip besi. Oleh itu, rayuan yang dikemukakan oleh Sathinaden telah ditolak dan dia dikenakan hukuman mati pada 23 November 1914.²⁵

Cemburu seorang suami yang keterlaluan juga boleh membawa kepada pembunuhan. Dalam keadaan ini, suami membunuh isteri kerana cemburu isteri bercakap dengan lelaki lain ataupun mengesyaki isterinya mempunyai hubungan dengan lelaki lain. Cemburu tanpa batas inilah yang menyebabkan tragedy pembunuhan seorang wanita bernama Suppamal. Ia berlaku pada 27 Februari 1912. Seorang wanita Tamil bernama Suppamal telah dipukul oleh suaminya sehingga mati kerana cemburu, dan didapati bersalah. Beliau telah dikenakan hukuman mati

oleh Pesuruhjaya Kehakiman.²⁶ Pada 16 Julai 1906, seorang lelaki India telah membunuh isterinya dengan mengerat lehernya, Motif pembunuhannya ialah cemburu. Dia telah ditangkap dan dikenakan hukuman bunuh. Pada 6 November 1906, Pachimuttu dari Ladang Petaling telah mengerat leher isteri dan anaknya kerana cemburu. Dia telah ditahan di estet Wardeburn dan dikenakan hukuman berat.²⁷

Pakiri yang merupakan seorang buruh di estet Barang Berjantai telah dijatuhkan hukuman gantung sampai mati kerana telah menyerang isterinya yang bernama Kathai dengan sebuah cangkul. Pakiri merasa cemburu sebab isterinya menjalinkan hubungan sulit dengan Arunasalam yang tinggal di ladang yang sama.²⁸ Kes seterusnya berbeza kerana si suami membunuh wanita lain kerana isterinya cemburu akan wanita tersebut. Pada 1 September 1912, Aringam Assay yang merupakan seorang tukang kayu telah membunuh seorang wanita yang bernama Fowathee di Ladang Riverside, Kuala Selangor. Dia juga menyimpan mayat wanita tersebut. Motif pembunuhannya ialah isteri Aringam cemburu akan kehadiran mangsa dalam kehidupan mereka, oleh itu untuk menyelesaikan masalah di antara Aringam dan isterinya, dia telah membunuh Fowathee. Polis tidak berjaya menangkap Aringam kerana dia telah melarikan diri.²⁹ Pada 14 March 1914, Nagamuthu telah membunuh isterinya Nagoo di bilik bapanya di Ladang Sione kerana dia cemburu akan isterinya. Dia juga syak wasangka bahawa isterinya mempunyai hubungan sulit dengan lelaki lain. Nagamuthu telah ditangkap dan dikenakan hukuman mati.³⁰

Perasaan Marah

Selain cemburu, perasaan marah keterlaluan dan tidak terkawal juga menyebabkan pembunuhan. Sebagaimana cemburu, perasaan marah dan tidak berpuas hati terhadap satu-satu perkara menyebabkan pelaku gagal untuk mengawal dirinya dan kegagalan ini membawa kepada pembunuhan. Penelitian yang dilakukan menunjukkan adanya kes-kes melibatkan kegagalan suami atau pasangan gagal mengawal kemarahannya dan membunuh isterinya. Latar inilah yang menjadi sebab pembunuhan seorang wanita India bernama Nargarma. Tragedi ini berlaku pada 5 Mac 1913, di Pahang Road, Setapak. Sekitar pukul 8.45 malam, pihak polis di Setapak telah menerima laporan mengenai seorang wanita bernama Nargama yang telah ditikam dirumahnya. Beliau mengalami kecederaan di bahagian muka dan badan. Semasa polis sampai di rumahnya, wanita tersebut masih sedar dan telah menceritakan perkara yang berlaku. Menurutny, dia tinggal bersama suaminya, Karupan Kerna sebelum ini. Namun pertelingkahan berlaku dan menyebabkan mereka hidup terpisah dan pada hari kejadian, Karupan Kerna telah datang ke rumahnya pada waktu petang dan meminta Nargarma untuk kembali tinggal bersamanya semula. Tindakan Nargarma menolak permintaan Karupan Kerna menyebabkan beliau berasa marah dan menetak Nargarma dengan sebilah parang. Meskipun berjaya di bawa ke hospital, namun Nargarma telah meninggal dunia. Karupan Kerna telah melarikan diri selepas membunuh isterinya, namun berjaya ditangkap. Dua anggota polis yang menjejaki Karupan Kerna iaitu Detektif Govindan dan Baboo telah berjaya menangkap tertuduh pada hari berikutnya di Batu 5, Rawang Road. Dia dibawa ke mahkamah untuk dibicarakan. Mahkamah mendapati beliau bersalah dan dikenakan hukuman mati.³¹

Pada 13 Januari 1928, Perumalu yang berasal dari Ladang Inchong, Serdang telah membunuh isterinya bernama Pakiam dengan menikamnya semasa mereka sedang menoreh getah. Motif pembunuhannya ialah Perumalu berasa marah kerana Pakiam tidak menghormatinya sebagai seorang suami dan bersikap biadab. Menurut Perumalu beberapa hari sebelum kejadian, dia telah meminta sirih selepas makan daripada Pakiam tetapi Pakiam mengatakan bahawa sirih telah habis. Perumalu merasa tidak puas hati kerana Pakiam dan

rakan-rakannya telah menghabiskan sirih tersebut dan dengan perasaan marah telah menampar Pakiam sebanyak dua kali. Tindakan ini menyebabkan Pakiam merajuk dan telah tinggal bersama kakaknya Amurdam. Pada hari kejadian, Perumalu nampak Pakiam sedang makan sirih dan apabila Perumalu menegurnya, Pakiam bersikap biadab dan menggunakan perkataan kotor. Perumalu merasa marah dan hilang kesabaran dan terus menikam Pakiam. Permalu telah dihadapkan di mahkamah dan dikenakan hukuman mati.³²

Sebab-sebab Lain

Kehidupan wanita India di Tanah Melayu terdedah dengan pelbagai cabaran. Dalam keadaan ini, mereka bukan sahaja perlu menghadapi kerenah suami dan anak-anak tetapi dalam masa yang sama, perlu juga menghadapi keluarga dan jiran tetangga. Selain itu, ancaman keselamatan daripada kecurian dan rompakan juga perlu dihadapi. Adakalanya mereka menjadi mangsa kecurian dan rompakan dan ada diantaranya membawa kepada kematian. Inilah yang berlaku kepada Velliamah. Beliau terkorban kerana menjadi mangsa rompakan. Pada tahun 1914, seorang wanita India, Velliamah telah ditikam sampai mati di kampung Coconut di Batu 16 Kuala Lumpur- Klang Road pada 7 Januari 1914. Dia ditikam oleh Ramasamy dan Vellayan semasa mereka merompak Velliamah. Polis berjaya menangkap Ramasamy dan dihadapkan ke mahkamah tetapi perbicaraan terhadapnya tidak dapat diteruskan kerana kekurangan bukti. Dia dibebaskan di bawah seksyen 214 G.P.S. Manakala Vellayan telah melarikan diri ke India untuk mengelakkan dirinya daripada ditangkap.³³

Pembunuhan juga dilakukan ke atas bayi oleh ibunya sendiri untuk menjaga maruah. Pada 18 Ogos 1920, seorang perempuan India yang bernama Rengamah telah dijatuhkan hukuman selama 5 tahun kerana membunuh bayinya sendiri. Bayi ini lahir hasil hubungan sulit dia dengan saudara lelakinya sendiri. Kedua-dua mereka yang telah membunuh bayi untuk menyembunyikan kesalahan mereka. Hakim telah menjatuhkan hukuman bunuh ke atas mereka. Namun hukuman yang dikenakan ke atas Rengamah telah dikurangkan kepada 5 tahun berdasarkan keberatan kesalahan.³⁴ Dalam keadaan tertentu pula, wujud pembunuhan tanpa motif yang jelas. Pada 11 November 1929, dua orang wanita India yang bernama Mutata dan Tayama dari Gordon Estate, Central Kedah telah dibunuh oleh Maruthappen. Polis telah menangkap Maruthappen dan dihadapkan di mahkamah. Maruthappen mengaku tidak bersalah dan menuduh suami wanita tersebut yang telah membunuh mereka. Rayuan yang dibuat oleh Maruthappen tidak diterima oleh hakim dan dia didapati bersalah kerana 6 saksi yang nampak Maruthappen melarikan diri dari tempat kejadian dengan memegang sebilah pisau. Pihak polis mengklasifikasikan pembunuhan ini tidak mempunyai motif yang jelas, namun kekuatan saksi menyebabkan Maruthappen dijatuhkan hukuman.³⁵

Pada 15 Julai 1918, pada pukul 9.30 malam, Lechmee yang merupakan perempuan simpanan Supramaniam yang tinggal di Bukit Tempurong, Melaka telah menjerit dan memberitahu bahawa Suppiah dan isterinya Annamretti telah menikamnya. Seramai lima orang penduduk yang mendengar jeritan Lechmee telah pergi ke tempat kejadian dan mereka nampak Lechmee berada dalam keadaan terkejut dan cuba melarikan diri daripada Suppiah dan Annamretti. Seorang saksi mendakwa bahawa dia nampak Suppiah memukul Lechmee dengan sebatang kayu. Suami Lechmee telah membuat laporan polis apabila mendapati isterinya telah meninggal dunia. Seorang lagi saksi mendakwa bahawa dia terdengar bunyi pisau terjatuh ke atas lantai daripada genggamann Annamretti. Suppiah dan Annamretti telah ditangkap oleh polis tetapi mereka dilepaskan kerana didapati tidak bersalah. Motif pembunuhan Lechmee tidak diketahui.³⁶

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini membincangkan kesusahan hidup yang dihadapi oleh wanita India sehingga mereka menjadi mangsa pembunuhan. Sehingga kini tidak banyak kajian yang membincangkan mengenai wanita India dan kes pembunuhan mereka di Tanah Melayu. Lelaki India melayan isteri dan anaknya dengan buruk sehingga meninggalkan kesan yang mendalam dalam diri mereka. Secara umumnya, lelaki India masih lagi terikat dengan sistem patriarki yang diamalkan di India yang beranggapan lelaki lebih berkuasa daripada wanita. Walaupun mereka tidak lagi tinggal di India, namun amalan dan kepercayaan sistem patriarki masih menjadi amalan lelaki India di Tanah Melayu. Sikap mereka ini menyebabkan wanita India dilayan dengan buruk, dipukul, didera dan sampai ke tahap yang lebih ekstrem iaitu membunuh.

Pihak British di Tanah Melayu memandang serius akan kes pembunuhan dan mengenakan hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan seperti hukuman berat, hukuman mati dan hukuman gantung sampai mati. Dalam semua kes yang telah dibincangkan di bawah tajuk motif wanita India dibunuh, didapati bahawa British di Tanah Melayu menjalankan perbicaraan di mahkamah dan memastikan setiap tertuduh yang didapati bersalah dikenakan hukuman mati. Sekiranya tertuduh hendak membuat rayuan, mereka dibenarkan untuk membuat rayuan. Manakala tertuduh yang didapati membunuh kerana tidak waras dan mengalami gangguan mental akan ditempatkan di Hospital Pesakit Mental. Pada tahun 1928, Timbalan Pengarah Biro Perisikan, kerajaan India telah meminta agar pihak British di Tanah Melayu mengambil butiran orang India yang melakukan jenayah yang serius dan menghantar mereka balik ke India. Butiran peribadi penjenayah seperti nama penjenayah, nama bapa, kampungnya di India, daerah, cap jari dan kesalahan yang telah dilakukan diperlukan. Melalui cara ini, kerajaan India cuba mengurangkan kes jenayah yang berlaku di Tanah Melayu.³⁷ Kes-kes pembunuhan yang melibatkan wanita India disebabkan oleh pelbagai motif seperti cemburu, syak wasangka, dendam, masalah mental, isteri menjalinkan hubungan dengan lelaki lain dan isu tidak berpuas hati dengan isteri. Selain itu, terdapat juga kes pembunuhan tanpa motif yang jelas.

Wanita menjadi mangsa pembunuhan yang kejam di Tanah Melayu disebabkan oleh pelbagai motif seperti cemburu, syak wasangka, dendam, masalah mental, isteri menjalinkan hubungan dengan lelaki lain dan isu tidak berpuas hati dengan isteri. Wanita India dibunuh dengan menggunakan senjata tajam seperti parang, pisau dan kapak. Terdapat juga kes di mana wanita India juga dipukul sehingga mati. Apabila suami mendapat tahu isterinya menjalinkan hubungan dengan lelaki lain, mereka mengambil tindakan drastik iaitu membunuh isteri kerana menjatuhkan imej dan maruahnya. Tindakannya membunuh isteri yang curang menyebabkan dia dipandang tinggi dalam masyarakat dan menaikkan imejnya di mata masyarakat. Sehingga kini, hampir tidak pernah dibincangkan mengenai isu pembunuhan yang melibatkan wanita India dalam mana-mana kajian dan perbincangan ini dapat mengisi kekosongan tersebut.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada warga Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya atas sokongan dan dorongan sepanjang penulisan artikel ini.

Biodata

* **Karthiyayini Katigason (corresponding author)** (arthykatigason@gmail.com) merupakan calon Ph.D dari Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

** **Azharuddin Mohamed Dali** (azharud@um.edu.my) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Received: 26 Mei 2022

Reviewed: 27 Mei 2022

Accepted: 19 Jun 2022

Nota

¹ Judith Smith, "Review Essay: Family History and Feminist History", *Feminist Studies*, Vol. 17, No 2, Summer 1991, hlm. 349.

² Fatimah Abdullah, Mohamad Zain Musa & Farid Mat Zain, "Perkahwinan dan Keluarga dalam Masyarakat Cam", *Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation*, Vol. 28. No 2, 2010; Charles Hirschman, "Gender, the Status of Women, and Family Structure in Malaysia", *Malaysian Journal of Economic Studies*, Vol. 53, No 1, 2016; Charles Hirschman, & A. Aghajanian, "Women's labour force participation and socio-economic development: The case of Peninsular Malaysia" *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 11, No 1, 1980; Barbara Watson Andaya (ed.), *Other pasts: Women, gender and history in early modern Southeast Asia*, Honolulu: Center for Southeast Asian Studies, University of Hawaii, 2000; Barbara Watson Andaya, *The flaming womb: Repositioning women in early modern Southeast Asia*. Honolulu: University of Hawaii Press., 2006; Barbara Watson Andaya, "Studying Women and Gender in Southeast Asia", *International Journal of Asian Studies*, Vol. 4, No 1 2007; F. Arnold, & E.C.Y. Kuo, E.C.Y., "The value of daughters and sons: A comparative study of the gender preferences of parents", *Journal of Comparative Family Studies*, Vol. 15, No 2, 1984.; Rosemary Firth, *Housekeeping among Malay Peasants*. London: The Athlone Press., 1996.; G. W. Jones, "Malay marriage and divorce in Peninsular Malaysia: Three decades of change", *Population and Development Review*, Vol. 7, No 2, 1981 dan Y. Tsubouchi, Y, "Marriage and divorce among Malay peasants in Kelantan", *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 6, 1975.

³ Istilah yang selalu digunakan ialah mereka seperti "bird of passage". Lihat Azharudin Mohd Dali, *Sejarah Masyarakat India di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2016, hlm. 25.

⁴ Arunima Data, *Immorality, Nationalism and the Colonial State in British Malaya: Indian 'coolie' Women's Intimate Lives as Ideological Battleground*, Asia Research Institute, Asian Migration Cluster, National University of Singapore, Singapore, hlm. 588.

⁵ Virginia Danz, *Women and Party Politics in Peninsular Malaysia*, hlm. 60-61.

⁶ K.M. Saran, *Labour in Ancient India*, Bombay: Vora & Co., Publishers Private Ltd., 1957, hlm. 64.

⁷ Virginia Danz, *Women and Party Politics in Peninsular Malaysia*, hlm. 66.

⁸ *Ibid*, hlm., 66.

⁹ Lihat kajian Parameswari a/p Karishnan, "Todi dalam Kalangan Masyarakat India Ladang di Tanah Melayu 1900-1957", Tesis Ph.D., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014 dan Karthiyayini a/p Katigason, "Todi dalam Kalangan Masyarakat India Ladang di Selangor 1890-1945", Tesis M.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011.

¹⁰ Annual Report of the Agent of the Government of India in British Malaya 1930.

¹¹ Sinnappah Arasaratnam, *Indians in Malaysia and Singapore*, hlm. 67.

¹² Annual Report on Police Department for the year 1912.

¹³ Kanden, Charge with Murder, Reports insane to be sent to Lunatic Asylum, Tanjung Rambutan, Kuala Selangor, 23th August 1920.

¹⁴ Insanity of Labourer Charged for Murder, From Chief Judicial Commissioner, Kuala Lumpur, 13th September 1923. Selangor Secretariat File, 3808/1923.

¹⁵ Reports that one Muthu Karpen charged with murder was found by the Court to be of unsound mind an incapable to make his defences, From S. Judicial Commissioner, Kuala Lumpur, 28th March 1907, Secretary Selangor File, 1836/1907.

¹⁶ Notes of evidence in the case of Govindan charged with murder & sentenced to death, Kuala Lumpur, 29th Mei 1912, Selangor Secretariat 2540/1912.

¹⁷ Report on the trial of one Velayutham charged with murder, Kuala Lumpur, 15th November 1924, Selangor Secretariat 4428/1924.

- ¹⁸ Straits Settlement Government Gazette, Lunatic Ordinan, Mac-Jul 1910, CO276/62, 63, MF1824-gul 87
- ¹⁹ Annual Report of the Agent of the Government of India in British Malaya for the year 1934.
- ²⁰ Reports on The Straits Settlement Police Force and on the State of Crime for the Year Of 1910, 30 June 1911, Straits Settlement Annual Report 1886-1920, Box No. 308 MF1837 gul 5.
- ²¹ Annual Report on Police Department for the year 1912.
- ²² Annual Report of Police Department for the year 1914, 11 Februari 1915, Kuala Lumpur.
- ²³ Murder of 1) Karpen-2) Arigam-3) Nyanama by Arumugam at Bandar Bahru- Report (Laporan) – 1) Kapen- 2) Arumugam- 3) Nyanama telah kena bunuh oleh Arumugam di Bandar Bahru, From District Officer, Bandar Bahru, 9th July 1923, File Kedah, 2511/1341.
- ²⁴ Report on Criminal Case No.8/45 of the First Division, High Court in which Veerapan (Accused) was convicted and sentenced to death on the charge of murder- Beri Report (Laporan) Kes Criminal Nombor 8/45 Mahkamah Besar Bahagian 1 Yang Telah Dihukum Bunuh Balas di Atas Veerapan di Atas Tuduhan Bunuh (Versi Melayu-Jawi)
- ²⁵ Annual Report of Police Department for the year 1914.
- ²⁶ Annual Report of Police Department for the year 1912.
- ²⁷ Annual Report 1906. Police Department, Selangor.
- ²⁸ Notes of evidence in the case of Pakiri charged with murder & send to death, Kuala Lumpur, 29th Mei 1912, Selangor Secretariat, 2541/1912.
- ²⁹ Annual Report on Police Department for the year 1912.
- ³⁰ Annual Report on Police Department for the year 1914.
- ³¹ Annual Report on Police Department for the year 1913.
- ³² Notes of evidence in criminal case No. 5/46 (Criminal Appeal No.5/46) in which Perumalu (Accused) was sentenced to death for the murder of his wife, Pakiam.
- ³³ Annual Report on Police Department for the year 1914.
- ³⁴ Extracts from a report by Inspector of Prison Singapore, relative to Tamil woman Rengamah, who was sentenced to a term of imprisonment at Muar and admitted to the Singapore Prison on 30th October 1920:- Forwards for transmission to H.H. the Sultan of Johore, From Colonial Secretary, Straits Settlement, Singapore, 8th July 1922, H. C. O. No. 590/1922.
- ³⁵ Death sentence passed on Maruthappen for the murder of women named Mutata dan Tayama -Hukum bunuh di atas Maruthappen kerana bunuh dua orang perempuan nama Mutata dan Tayama, 28 Februari 1930, 2859/1348
- ³⁶ Annual Report on the Straits Settlement Police Force and on the State of Crime for the year 1918, July 1919-Jan 1929, Straits Settlements: Government Gazette, 1867-1940., CO 276/86, MF 1824-Gul 122.
- ³⁷ Finger Prints of every Indian Domiciled in British India convicted of a serious offence in this country From Register of Criminal. Straits Settlement & Federated Malay States, Kuala Lumpur, Selangor, 6th June 1928, File Perlis, 548/1346.

Rujukan

Annual Report on the Straits Settlement Police Force and on the State of Crime for the year 1918, July 1919-Jan 1929, Straits Settlements: Government Gazette, 1867-1940., CO 276/86, MF 1824-Gul 122.

Annual Report of the Agent of the Government of India in British Malaya 1930.

Annual Report of the Agent of the Government of India in British Malaya for the year 1934.

Annual Report on Police Department for the year 1912.

Annual Report on Police Department for the year 1913.

Annual Report of Police Department for the year 1914.

Annual Report 1906, Police Department, Selangor.

Arnold, F. & E.C.Y. Kuo, E.C.Y., “The value of daughters and sons: A comparative study of the gender preferences of parents”, *Journal of Comparative Family Studies*, Vol. 15, No 2, 1984.

Arunima Data, *Immorality, Nationalism and the Colonial State in British Malaya: Indian ‘coolie’ women’s intimate lives as ideological battleground*, Asia Research Institute, Asian Migration Cluster, National University of Singapore, Singapore.

Azharudin Mohd Dali, *Sejarah Masyarakat India di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit University Malaya, 2016.

Barbara Watson Andaya (ed.), *Other pasts: Women, gender and history in early modern Southeast Asia*, Honolulu: Center for Southeast Asian Studies, University of Hawaii, 2000.

Barbara Watson Andaya, *The flaming womb: Repositioning women in early modern Southeast Asia*. Honolulu: University of Hawaii Press., 2006.

Barbara Watson Andaya, “Studying women and gender in Southeast Asia”, *International Journal of Asian Studies*, Vol. 4, No 1 2007.

Charles Hirschman, & A. Aghajanian, “Women’s labour force participation and socio-economic development: The case of Peninsular Malaysia” *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 11, No 1, 1980.

Charles Hirschman, “Gender, the Status of Women, and Family Structure in Malaysia”, *Malaysian Journal of Economic Studies*, Vol. 53, No 1, 2016.

Death sentence passed on Maruthappen for the murder of women named Mutata dan Tayama -Hukum bunuh di atas Maruthappen kerana bunuh dua orang perempuan nama Mutata dan Tayama, 28 Februari 1930, 2859/1348

Extracts from a report by Inspector of Prison Singapore, relative to Tamil woman Rengamah, who was sentenced to a term of imprisonment at Muar and admitted to the Singapore Prison on 30th October 1920:- Forwards for transmission to H.H. the Sultan of Johore, From Colonial Secretary, Straits Settlement, Singapore, 8th July 1922, H. C. O. No. 590/1922.

Fatimah Abdullah, Mohamad Zain Musa & Farid Mat Zain, “Perkahwinan dan Keluarga dalam Masyarakat Cam”, *Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation*, Vol. 28. No 2, 2010.

Finger Prints of every Indian Domiciled in British India convicted of a serious offence in this country From Register of Criminal, *Straits Settlement & Federated Malay States*, Kuala Lumpur, Selangor, 6th June 1928, File Perlis, 548/1346.

Insanity of Labourer Charged for Murder, From Chief Judicial Commissioner, Kuala Lumpur, 13th September 1923. *Selangor Secretariat File*, 3808/1923.

Jones, G. W. “Malay marriage and divorce in Peninsular Malaysia: Three decades of change”, *Population and Development Review*, Vol. 7, No 2, 1981.

Judith Smith, "Review Essay: Family History and Feminist History", *Feminist Studies*, Vol. 17, No 2, Summer 1991.

Karthiyayini a/p Katigason, "Todi dalam Kalangan Masyarakat India Ladang di Selangor 1890-1945", Tesis M.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011.

Kanden, Charge with Murder. Reports insane to be sent to Lunatic Asylum, Tanjung Rambutan, Kuala Selangor, 23th August 1920.

Murder of 1) Karpen-2) Arigam-3) Nyanama by Arumugam at Bandar Bahru- Report (Laporan) – 1) Kapen- 2) Arumugam- 3) Nyanama telah kena bunuh oleh Arumugam di Bandar Bahru, From District Officer, Bandar Bahru, 9th July 1923, File Kedah, 2511/1341.

Notes of evidence in the case of Govindan charged with murder & sentenced to death, Kuala Lumpur, 29th Mei 1912, Selangor Secretariat 2540/1912.

Notes of evidence in criminal case No. 5/46 (Criminal Appeal No.5/46) in which Perumalu (Accused) was sentenced to death for the murder of his wife, Pakiam.

Parameswari a/p Karishnan, "Todi dalam Kalangan Masyarakat India Ladang di Tanah Melayu 1900-1957", Tesis Ph.D., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014

Reports that one Muthu Karpen charged with murder was found by the Court to be of unsound mind an incapable to make his defences, From S. Judicial Commissioner, Kuala Lumpur, 28th March 1907, *Secretary Selangor File*, 1836/1907.

Reports on The Straits Settlement Police Force and on the State of Crime for the Year Of 1910, 30 June 1911, *Straits Settlement Annual Report 1886-1920*, Box No. 308 MF1837 gul 5.

Report on the trial of one Velayutham charged with murder, Kuala Lumpur, 15th November 1924, Selangor Secretariat 4428/1924.

Report on Criminal Case No.8/45 of the First Division, High Court in which Veerapan (Accused) was convicted and sentenced to death on the charge of murder- Beri Report (Laporan) Kes Criminal Nombor 8/45 Mahkamah Besar Bahagian 1 Yang Telah Dihukum Bunuh Balas di Atas Veerapan di Atas Tuduhan Bunuh (Versi Melayu-Jawi)

Rosemary Firth, *Housekeeping among Malay peasants*. London: The Athlone Press., 1996.

Saran, K.M., *Labour in Ancient India*, Bombay: Vora & Co., Publishers Private Ltd., 1957.

Sinnappah Arasaratnam, *Indians in Malaysia and Singapore*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1970.

Straits Settlement Government Gazette, Lunatic Ordinan, Mac-Jul 1910, CO276/62, 63, MF1824-gul 87